



Headline: Kerani rugi RM32k ditipu 'pegawai KKM'
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 16 February 2022

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 19

Kuantan: Seorang kerani wanita jabatan kerajaan kerugian RM32,000 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam kejadian Khamis lalu itu, mangsa berusia 41 tahun menerima panggilan individu dikenali sebagai Mohd Ridzuan Abdullah menyamar sebagai pegawai farmasi kawalan ubat Petaling Jaya, Selangor.

Suspek mendakwa mangsa pernah mengambil ubat di klinik Malaysia di Kampung Ampang Baru, Ipoh sebanyak lapan kali dan perlu membuat bayaran berhubung perkara itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa dari Bandar Damansara di sini menafikannya sebelum panggilan disambung kepada dua individu menyamar sebagai polis dikenali sebagai Sarjan Kuha dan Inspektor Yong.

Menurutnya, suspek me-

Kerani rugi RM32k ditipu 'pegawai KKM'



Individu menyamar sebagai Inspektor Yong meminta akaun pengenalan perbankan dan kata laluan milik mangsa

Mohd Wazir

minta mangsa memindahkan wang ke akaun suspek bagi mengelak aset mangsa dibekukan serta mengelak mangsa ditahan.

"Dalam masa sama individu menyamar sebagai Inspektor Yong meminta akaun pengenalan perbankan dan kata laluan milik mangsa.

"Pada 10 Februari lalu, mangsa membuat transaksi daripada bank mangsa kepada bank suspek sebanyak RM28,000 namun selepas

itu mangsa mendapati wang akaunnya hilang RM32,000. Mangsa segera menghubungi bank bagi menyekat akaunnya," katanya.

Beliau berkata, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, kelmarin.

Dalam kes berasingan, seorang wanita berusia 33 tahun rugi RM10,000 selepas terpedaya dengan individu yang menyamar sebagai wakil syarikat penerbangan Air Asia.

Mohd Wazir berkata, selepas mangsa mendedahkan maklumat perbankan dan memberi kata laluan kepada suspek, suspek mengambil wang mangsa sebanyak RM10,009.99.

"Modus operandi kegiatan ialah suspek memperdaya mangsa dengan menyamar sebagai wakil syarikat penerbangan Air Asia sehingga pengadu mengalami kerugian," katanya.